


Malaysian Reinsurance Berhad





*kekukuhan menerusi
perkongsian bestari*

Malaysian Reinsurance Berhad (Malaysian Re) diperbadankan pada 27 Ogos 2004 sebagai sebuah anak syarikat milik penuh MNRB Holdings Berhad (MNRB). Sebagai sebahagian daripada pelaksanaan penstrukturan semula Kumpulan MNRB, perniagaan insurans semula, lesen insurans semula dan aset insurans semula dipindahkan daripada MNRB ke Malaysian Re pada 1 April 2005. Malaysian Re akan terus berusaha mencapai objektif utama seperti mana yang telah berjaya dicapai oleh MNRB selama lebih 30 tahun sejak penubuhannya pada 30 Disember 1972, iaitu sebagai sebuah syarikat insurans semula nasional, yang ditubuhkan bagi mengurangkan pembayaran premium ke luar negara yang sentiasa meningkat. Seiring dengan ini, Malaysian Re akan terus meningkatkan daya saing dan kecekapan syarikat insurans tempatan dalam pasaran global yang semakin pesat

membangun. Malaysian Re telah terlibat secara aktif dalam Pengunderaitan Insurans Semula Triti dan Fakultatif bagi pasaran Malaysia. Kelas-kelas perniagaan yang diunderait boleh dikategorikan secara umum kepada Kebakaran, Kejuruteraan, Motor, Marin dan Kemalangan Pelbagai. Dengan memanfaatkan pengalaman Syarikat yang luas dan mendalam, asas yang kukuh dan rekod pencapaian yang terbukti cemerlang, status Malaysian Re telah berkembang sebagai sebuah syarikat bertaraf antarabangsa yang disegani setelah berjaya bertapak dengan kukuh di pasaran Asia, Timur Tengah, Afrika dan China. Malaysian Re juga telah turut menyediakan sebut harga untuk perniagaan triti dan merupakan peneraju perniagaan tersebut di beberapa wilayah.

Struktur Modal

Syarikat mempunyai Modal Dibenarkan berjumlah RM500 juta, yang terbahagi kepada 500 juta saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dan Modal Berbayar berjumlah RM480 juta, yang dibahagikan kepada 480 juta saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

Lembaga Pengarah

Sharkawi Alis

*Pengerusi
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

Hashim Harun

*Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*

Anuar Mohd Hassan

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

P. Raveenderen

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Yusoff Yaacob

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Mohd Khalil

Dato' Mohd Noor

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Megat Dziauddin Megat Mahmud

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Setiausaha-Setiausaha Syarikat

Norazman Hashim (MIA 5817)
Lena Abdul Latif (LS 8766)

Jawatankuasa Audit

P. Raveenderen
(Pengerusi)
Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin
Megat Dziauddin Megat Mahmud

Jawatankuasa Pelaburan

Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor
(Pengerusi)
Anuar Mohd Hassan
Megat Dziauddin Megat Mahmud
Hashim Harun

Jawatankuasa Pemilihan

Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin
(Pengerusi)
Sharkawi Alis
P. Raveenderen
Yusoff Yaacob
Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor

Jawatankuasa Imbuhan

Megat Dziauddin Megat Mahmud
(Pengerusi)
Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin
Yusoff Yaacob

Jawatankuasa Pengurusan Risiko

Yusoff Yaacob
(Pengerusi)
P. Raveenderen
Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor

Juruaudit

Ernst & Young
Tingkat 23A, Menara Milenium
Jalan Damanlela
Pusat Bandar Damansara
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Tel : 03-7495 8000
Faks : 03-2095 5332

Bank

Malayan Banking Berhad
CIMB Bank Berhad

Pejabat Berdaftar

Tingkat 12, Bangunan Malaysian Re
No. 17, Lorong Dungun
Damansara Heights
50490 Kuala Lumpur
Tel : 03-2096 8000
Faks : 03-2096 7000
Emel : enquiry@malaysian-re.com.my
Laman Web : www.malaysian-re.com.my

lembaga pengarah



Sharkawi Alis

*Pengerusi
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif*

Hashim Harun

*Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif
Pengarah Eksekutif Bukan Bebas*



Anuar Mohd Hassan

Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

P. Raveenderen

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

**Dato' Syed Ariff Fadzillah
Syed Awalluddin**

Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Yusoff Yaacob
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor
Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif

Megat Dziauddin Megat Mahmud
Pengarah Bebas Bukan Eksekutif



Norazman Hashim
Setiausaha Syarikat

Lena Abd Latif
Setiausaha Syarikat

profil para pengarah

SHARKAWI ALIS

Sharkawi Alis, berusia 61 tahun, warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 3 September 2007. Ahli Jawatankuasa Pemilihan.

Maklumat lain mengenai profil Sharkawi Alis dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 14 Laporan Tahunan ini.

HASHIM HARUN

Hashim Harun, berusia 54 tahun, warganegara Malaysia. Pengarah Eksekutif Bukan Bebas sejak 1 April 2008, dan merupakan ahli Jawatankuasa Pelaburan. Beliau kini merupakan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Reinsurance Berhad. Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Universiti Malaya dan memulakan kerjaya di Credit Corporation (M) Berhad, sebuah syarikat kewangan pada tahun 1977. Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai kapasiti dan dilantik sebagai Pengurus Besar pada tahun 1988. Pada tahun 1996, berikutan pengambilalihan Credit Corporation (M) Berhad oleh DRB Hicom Group, beliau telah dilantik oleh Kumpulan tersebut sebagai Pengurus Besar di salah sebuah anak syarikatnya iaitu Automotive Corporation (M) Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah syarikat pemasangan dan pengedaran kenderaan Isuzu dan trak nasional, Hicom. Pada tahun 1998, beliau telah dipilih oleh Kumpulan untuk berkhidmat di Lembaga SEA Insurance Berhad (kini UNI.Asia General Insurance Berhad) dan kemudian dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat tersebut pada tahun 1999. Beliau turut memegang jawatan Pengarah di UNI.Asia Capital Berhad dan UNI.Asia Life Assurance Berhad. Beliau pernah menyandang jawatan Pengerusi Biro Pentadbiran Pusat (CAB) dari tahun 2003 hingga 2005 dan turut berkhidmat sebagai Pengerusi Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM), Pengarah di Malaysian Rating Corporation Berhad dan Institut Insurans Malaysia (MII) dari tahun 2005 hingga 2007.

ANUAR MOHD HASSAN

Anuar Mohd Hassan, berusia 55 tahun, warganegara Malaysia. Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Malaysian Re dari 27 Ogos 2004 hingga 31 Mac 2008. Kini, Pengarah Bukan Bebas Eksekutif dan ahli Jawatankuasa Pelaburan.

Maklumat lain mengenai profil Anuar Mohd Hassan dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 14 Laporan Tahunan ini.

P. RAVEENDEREN

P. Raveenderen, berusia 63 tahun, warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 27 Ogos 2004. Pengerusi Jawatankuasa Audit dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko serta Jawatankuasa Pemililhan.

Maklumat lain mengenai profil P. Raveenderen dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 15 Laporan Tahunan ini.

DATO' SYED ARIFF FADZILLAH SYED AWALLUDDIN

Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin, berusia 64 tahun, warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 27 Ogos 2004. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, ahli Jawatankuasa Imbuan dan Jawatankuasa Audit.

Maklumat lain mengenai profil Dato' Syed Ariff Fadzillah Syed Awalluddin dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 15 Laporan Tahunan ini.

YUSOFF YAACOB

Yusoff Yaacob, berusia 60 tahun, warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 31 Mac 2005. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, dan ahli Jawatankuasa Pemilihan serta Jawatankuasa Imbuhan.

Maklumat lain mengenai profil Yusoff Yaacob dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 15 Laporan Tahunan ini.

DATUK MOHD KHALIL DATO' MOHD NOOR

Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor, berusia 67 tahun, warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 31 Mac 2005. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan. Ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pemilihan.

Maklumat lain mengenai profil Datuk Mohd Khalil Dato' Mohd Noor dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 15 Laporan Tahunan ini.

MEGAT DZIAUDDIN MEGAT MAHMUD

Megat Dziauddin Megat Mahmud, berusia 62 tahun, warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 24 Ogos 2006. Pengerusi Jawatankuasa Imbuhan dan ahli Jawatankuasa Audit serta Jawatankuasa Pelaburan.

Maklumat lain mengenai profil Megat Dziauddin Megat Mahmud dinyatakan dalam Profil Pengarah MNRB Holdings Berhad di muka surat 16 Laporan Tahunan ini.

kumpulan **pengurusan**

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif : **Hashim Harun**, BA (Hons.)

Naib Presiden Eksekutif & Ketua Pegawai Operasi : **Mustaffa Ahmad**, B. Sc. (Hons.)

Naib Presiden Kanan

Ketua Pengunderaitan, Unit Perniagaan 1 : **Paul Ng Wooi Yip**, B. Eng. (Hons.) Mech.

Ketua Pengunderaitan, Unit Perniagaan 2 : **Rajinder Mohan**, FCII, AIINZ

Ketua Jabatan Retrosisen/Tuntutan/Gemblengan : **Teoh Bee Lan**, CA (M), B. Acc. (Hons.)

Naib Presiden

Ketua Jabatan Biro Pentadbiran Pusat : **Mohd Apandi Alias**

Ketua Jabatan Fakultatif : **Thiyaga Rajan Kaliaperumal**, B. Eng. (Hons) Chem.

Ketua Jabatan Gemblengan Insurans Motor Malaysia dan Risiko-Risiko Besar & Terkhusus : **Kishna Fitra Nordin**, ACII

Pengunderait Kanan, Unit Perniagaan 1 : **Lilian Chen Sook Fun**

Pengunderait Kanan, Unit Perniagaan 1 : **Zaini Abdul Aziz**, BBA Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko & Insurans

Retrosisen/Tuntutan/Gemblengan : **Abdul Halim Anuar Sharif**, B. Sc. Mech. Eng.

Penolong Naib Presiden

Pegawai Pematuhan : **Alias Samsudin**, AAT

Ketua Jabatan Pemeriksaan : **Izaham Ishak**, DIA

Ketua Jabatan Pengkadaran Khas : **Fatimy Abdul Rashid**, MBA

Ketua Jabatan Perkhidmatan Teknikal : **Musi Kadim**, B. Eng. (Hons.) Mech.

profil kumpulan pengurusan



Operasi harian Malaysian Re diamanahkan kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif, **Hashim Harun** yang dibantu oleh kakitangan pengurusan kanan yang berwibawa seperti berikut:



MUSTAFA AHMAD

Mustafa Ahmad adalah Naib Presiden Eksekutif & Ketua Pegawai Operasi Malaysian Re. Merupakan seorang graduan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Statistik dari Universiti Heriott-Watt, Edinburgh, Scotland pada 1978. Beliau menyertai MNRB Holdings Berhad sebagai Pengurus Kanan pada 1989 selepas mengumpul lebih sepuluh tahun pengalaman bekerja di tiga buah syarikat insurans tempatan. Beliau dilantik sebagai Penolong Pengurus Besar pada 1991, Pengurus Besar pada 1994 dan Pengurus Besar Kanan pada 1996. Beliau telah dipindahkan ke Malaysian Re pada 1 April 2005 dan memegang jawatan semasa semenjak Oktober 2005. Beliau juga merupakan Timbalan Pengerusi Persatuan Insurans Kebangsaan Malaysia, Pengerusi Jawatankuasa Penarafan di bawah naungan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan telah berkhidmat dalam beberapa buah jawatankuasa kecil PIAM.



PAUL NG WOUI YIP

Paul Ng Wooi Yip adalah Naib Presiden Kanan & Ketua Pengunderaitan yang menerajui Perkhidmatan Pemasaran/Pengunderaitan – Unit Perniagaan 1. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dalam Kejuruteraan Mekanikal dari Universiti Salford, Manchester, United Kingdom pada 1984. Memulakan kerjaya dengan MNRB Holdings Berhad sebagai



RAJINDER MOHAN

Rajinder Mohan adalah Naib Presiden Kanan & Ketua Pengunderaitan yang menerajui Pemasaran/Pengunderaitan – Unit Perniagaan 2. Merupakan ahli Bersekutu *Chartered Insurance Institute*, United Kingdom dan ahli Bersekutu Kanan *Australian and New Zealand Institute of Insurance and Finance*. Beliau memulakan kerjaya sebagai Eksekutif di Guardian Royal Exchange (New Zealand) pada Februari 1988 dan seterusnya menyertai MNRB Holdings Berhad pada November 1988 sebagai Eksekutif Pengunderaitan. Beliau dinaikkan pangkat sebagai Penolong Pengurus Besar bagi Unit Perniagaan 2 pada April 2002. Pada 1 April 2005 beliau dipindahkan ke Malaysian Re dan mula menyandang jawatan semasa semenjak Oktober 2005.



TEOH BEE LAN

Teoh Bee Lan adalah Naib Presiden Kanan dan Ketua Jabatan Retrosisen/Tuntutan/Gemblengan (secara kolektif digelar Jabatan Pentadbiran Insurans Semula) yang mengendalikan tuntutan, retrosisen dan juga beberapa perkhidmatan pemasaran yang disediakan oleh Malaysian Re kepada industri. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Malaya 1984 dan memulakan kerjayanya dengan firma audit Tetuan Hanafiah Raslan & Mohamed (kini bergabung dengan Ernst & Young). Pada 1986 beliau menyertai MNRB Holdings Berhad sebagai Eksekutif Audit Insurans. Dari 1989 sehingga 1990, beliau telah berkhidmat dengan Tetuan Price Waterhouse, Singapura bagi

memperolehi pendedahan pengauditan yang lebih meluas sebelum kembali ke MNRB pada 1991 dan mengetuai Jabatan Audit Dalaman. Seterusnya beliau telah dinaikkan pangkat ke jawatan Pengurus Besar, Audit Dalaman pada 1994 dan sebagai Penolong Pengurus Besar pada 1996. Beliau pernah menyandang jawatan Penolong Pengurus Besar yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Perancangan Korporat dan Pematuhan dari Januari 1999 dan seterusnya Penolong Pengurus Besar yang bertanggungjawab ke atas Jabatan Pentadbiran Insurans Semula pada Jun 2002. Pada 1 April 2005 beliau dipindahkan ke Malaysian Re dan memegang jawatan semasa semenjak Oktober 2005. Beliau merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia.



MOHD APANDI ALIAS

Mohd Apandi Alias adalah Naib Presiden yang bertanggungjawab terhadap Jabatan Biro Pentadbiran Pusat (CAB). Beliau memulakan kerjaya dengan MNRB Holdings Berhad pada 1981 dan telah dinaikkan pangkat daripada Eksekutif Muda kepada Pengurus Kanan pada April 2003. Beliau dipindahkan ke Malaysian Re pada 1 April 2005 dan memegang jawatan semasa semenjak Oktober 2005.



THIYAGA RAJAN KALIAPERUMAL

Thiyaga Rajan Kaliaperumal adalah Naib Presiden & Pengunderaitan Kanan yang mengetuai bahagian Pemasaran/Pengunderaitan Jabatan Fakultatif. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan (Kepujian) dalam bidang Kejuruteraan Kimia dari Universiti Malaya pada tahun 1987. Beliau memulakan kerjaya dengan Jabatan Perkhidmatan Teknikal MNRB sebagai Jurutera Risiko pada tahun 1987 dan telah dinaikkan pangkat

untuk mengetuai jabatan tersebut. Beliau kemudian dipindahkan ke bahagian Pemasaran/Pengunderaitan – Unit Perniagaan 2 pada bulan April 2002 dan kemudian dipindahkan ke Malaysian Re pada 1 April 2005. Beliau mula menyandang jawatan semasa pada bulan Jun 2008.



KISHNA FITRA NORDIN

Kishna Fitra Nordin adalah Naib Presiden dan Ketua Jabatan Gemblengan Insurans Motor Malaysia (MMIP) dan Risiko-Risiko Besar & Terkhusus (LSR) yang mengendalikan pentadbiran MMIP dan menguruskan Skim bagi Insurans Risiko Besar dan Terkhusus. Beliau memulakan kerjaya dengan MNRB pada tahun 1988 dan bertugas di Jabatan Pengkadaran Khas. Pada tahun 1989, beliau menyertai American Malaysian Insurance di mana beliau terlibat dalam fungsi-fungsi insurans semula dan pengunderaitan. Beliau kembali ke MNRB pada tahun 1992 dan kemudian dinaikkan pangkat untuk mengetuai Jabatan Pengkadaran Khas pada tahun 2004. Pada tahun 2005, beliau dipindahkan ke Malaysian Re dan menyandang jawatan sekarang di Jabatan MMIP dan LSR. Beliau merupakan Penginsurans Bertauliah dan Ahli Bersekutu Chartered Insurance Institute dan Institut Insurans Malaysia.

aktiviti dan perkhidmatan korporat



Malaysian Re telah terlibat secara aktif dalam pengunderaitan insurans semula triti dan fakultatif bagi pasaran Malaysia. Ia telah mengembangkan perniagaannya di peringkat antarabangsa dan kini aktif mengunderait perniagaan dari pasaran Asia, Timur Tengah, Afrika dan China. Kelas-kelas perniagaan yang diunderait boleh dikategorikan secara meluas dibawah kebakaran, kejuruteraan, motor, marin dan kemalangan pelbagai. Malaysian Re akan terus menyediakan perkhidmatan yang cekap dan akan memastikan produk sedia ada bukan hanya kompetitif, malah turut memenuhi keperluan para pelanggan.

Perkhidmatan Pasaran

Malaysian Re kini terlibat dalam penyediaan pelbagai perkhidmatan kepada industri insurans di Malaysia. Antara perkhidmatan yang ditawarkan, termasuk yang berikut:

a) Perkhidmatan Teknikal

Perkhidmatan Pemeriksaan dan Nasihat berhubung Pengurusan Risiko

Malaysian Re menyediakan perkhidmatan Pemeriksaan Risiko Kebakaran kepada industri insurans tempatan untuk kegunaan pengkadaran khas, pengunderaitan dan juga anggaran Kemungkinan Kerugian Maksimum (PML). Penilaian risiko kebakaran dan perkhidmatan pengurusan risiko yang disesuaikan dengan keperluan yang dilindungi juga disediakan melalui syarikat insurans mereka jika diperlukan.

b) Biro Pentadbiran Pusat (CAB)

Malaysian Re telah mengambil inisiatif menubuhkan Biro Pentadbiran Pusat, iaitu sebuah biro yang mentadbir dan mengendalikan urusan insurans semula fakultatif di peringkat pusat di kalangan syarikat insurans dan syarikat insurans semula yang beroperasi di Malaysia. Misinya adalah untuk menyelesaikan masalah pentadbiran dan kewangan serta memastikan pembayaran premium dan tuntutan dengan lebih cekap. Operasinya disokong oleh sistem berkomputer yang merangkaikan ahli-ahlinya melalui internet. Kos pembangunan dan operasi sistem dibiayai secara bersama oleh ahli-

ahlinya. Biro ini diuruskan oleh Malaysian Re dan memulakan operasinya pada 1 Julai 1998.

c) Pemeriksaan

Malaysian Re telah diberi mandat oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) untuk menubuhkan Pasukan Petugas Pemeriksaan untuk mengendalikan pemeriksaan atau melaksanakan penyiasatan terhadap tatalaku atau aktiviti ahli-ahlinya selaras dengan terma dan peruntukan Perjanjian Antara Syarikat yang pelbagai. Perjanjian Antara Syarikat yang pelbagai itu telah pun digabungkan ke dalam satu perjanjian yang dipanggil "Perjanjian Antara Syarikat Berhubung Perniagaan Insurans Am" (ICAGIB), berkuat kuasa pada 1 April 1992.

d) Gemblengan Pasaran Malaysia

• Gemblengan Penerbangan Malaysia (MAP)

Malaysian Re mula memainkan peranannya sebagai Pengurus MAP bermula dari 1 Oktober 1996. Buat masa ini, keahliannya terdiri daripada 8 syarikat insurans tempatan dan 4 syarikat insurans semula dengan jumlah keupayaan pengunderaitan sebanyak RM199.8 juta. Pengunderaitan risiko dilaksanakan oleh sebuah Jawatankuasa, yang dilantik oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian. Perniagaan yang diunderait oleh gemblengan ini adalah risiko Malaysia dan kepentingan Malaysia di luar negara.

- **Konsortium Risiko Tenaga Malaysia (MERIC)**

MERIC telah ditubuhkan pada bulan Mac 1995 dengan objektif untuk mengoptimumkan pengekalan negara, menggalakkan kepentingan lebih meluas dan membangunkan kemahiran pengunderaitan dalam kelas terkhusus perniagaan tenaga. Konsortium ini terdiri daripada 16 syarikat insurans am tempatan dan 2 syarikat insurans semula dengan Malaysian Re bertindak sebagai Sekretariat. MERIC mempunyai keupayaan untuk mengunderait sehingga had tunggal tergabung RM80 juta untuk risiko hulu dan risiko hiliran, yang dikekalkan sepenuhnya oleh Konsortium. Pengunderaitan risiko dilakukan oleh sebuah Jawatankuasa, dipilih oleh syarikat-syarikat yang mengambil bahagian. Portfolio utama perniagaan yang diunderait oleh MERIC adalah risiko Malaysia dan kepentingan Malaysia di luar negara. Walau bagaimanapun, menyedari keperluan untuk mewujudkan pengagihan risiko dan asas premium yang lebih meluas, portfolio telah diperluaskan untuk merangkumi risiko di rantau Asia dan negara-negara kawasan Pasifik, Timur Tengah dan negara Afrika Utara.

- e) **Latihan Pasaran**

Seperti tahun-tahun yang lepas, Malaysian Re telah dan akan terus mengendalikan pelbagai kursus/seminar berkenaan subjek insurans dan insurans semula bagi kakitangan syarikat insurans untuk mempertingkatkan tahap profesionalisme yang lebih tinggi dalam industri.

- f) **Skim Bagi Insurans Risiko Besar dan Khusus (SILSR)**

Objektif utama Skim, yang dilaksanakan pada 1 Januari 1994, adalah untuk membangunkan kepakaran teknikal untuk membolehkan syarikat insurans menjadi pengunderait aktif bagi risiko

besar dan terkhusus. Ini akan membawa ke arah pemahaman yang lebih baik mengenai risiko-risiko sedemikian dan mengoptimumkan keupayaan pengekalan negara, dan dengan itu mengurangkan pengaliran keluar premium ke luar negara. Malaysian Re telah dilantik oleh Bank Negara Malaysia untuk menguruskan Skim ini.

- g) **Sihat Malaysia**

Skim Sihat Malaysia, telah dilancarkan secara rasmi pada 18 Februari 2000. Ia telah dibangunkan oleh Persatuan Insurans Kebangsaan Malaysia (NIAM). Ahli-ahli NIAM yang menyertai Skim ini menyediakan program insurans kesihatan yang seragam meliputi penjagaan kesihatan termasuk memasukkan ke hospital tanpa wang tunai, rawatan perubatan, pembedahan serta bantuan kecemasan kepada pemegang polisi. Organisasi Pengurusan Perubatan telah dilantik di bawah Skim ini untuk menyediakan perkhidmatan khusus kepada pemegang-pemegang polisi dan ahli-ahli NIAM. Malaysian Re telah dilantik sebagai Pengurus Akaun bagi Skim ini dan pada masa ini dilanggan oleh 10 ahli NIAM.


- h) **Pengkadaran Khas**

Malaysian Re telah dilantik oleh PIAM untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pengkadaran Khas untuk menentukan kadar khas bagi Insurans Semua Risiko Kebakaran dan Perindustrian (IAR) bagi risiko yang layak kadaran khas di bawah Tarif Kebakaran. Jawatankuasa ini meliputi tidak kurang daripada 6 pengunderait insurans kebakaran atau jurunilai risiko yang berkelayakan atau berpengalaman daripada kalangan ahli PIAM dimana 3 orang ahli hendaklah daripada Malaysian Re. Pengerusi Jawatankuasa Pengkadaran ini juga hendaklah merupakan seorang wakil daripada Malaysian Re. Selaras dengan perantaraan ini, Malaysian Re turut bertindak sebagai Sekretariat bagi Jawatankuasa ini serta mengendalikan operasi harian kesemua hal ehwal yang berkaitan dengan permohonan pengkadaran khas.




portfolio perniagaan Malaysian Re

Kelas	2008		2007		2006		2005	
	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%	RM'000	%
Kebakaran	288,321	37	244,502	35	207,670	33	198,949	31
Motor	195,283	25	192,872	28	194,838	31	210,853	33
Kemalangan Pelbagai	184,257	23	153,506	22	144,855	23	149,937	23
Marin	116,426	15	101,605	15	84,962	13	80,254	13
Jumlah	784,287	100	692,485	100	632,325	100	639,993	100



2008



2007

